

Lelaki diberkas kerana disyaki terlibat dadah

Posted on December 3, 2014, Wednesday

MIRI: Seorang lelaki berjaya diberkas polis dalam satu serbuan di sebuah rumah di Taman Jelita, Taman Tunku di sini pagi kelmarin kerana disyaki terlibat dalam kegiatan penyalahgunaan dadah.

Suspek berusia 21 tahun itu dibawa ke Balai Polis Pusat Miri untuk disoal siasat lanjut berhubung kes tersebut.

Menurut sumber, bertindak atas maklumat sepasukan polis Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah (BSJND) Miri diketuai Sub-Inspektor Bakar Drahman menyerbu sebuah rumah di Taman Jelita, Taman Tunku di sini.

Dalam serbuan sekitar jam 11 pagi itu, polis menahan seorang lelaki kerana disyaki terlibat dalam kegiatan penyalahgunaan dadah.

Polis membuat pemeriksaan lanjut ke atas suspek dan merampas satu pekot plastik lut sinar mengandungi ketulan-ketulan kristal disyaki dadah berbahaya jenis ketamine dengan berat kasar 0.77gram.

Manakala ujian saringan ke atas sampel air kencing suspek menunjukkan kesan positif dadah jenis ketamine.

Berikutan itu, suspek ditangkap untuk disoal siasat lanjut mengikut Seksyen 12 (2) dan Seksyen 15 (1) (a) Akta Dadah Berbahaya 1952 kerana memiliki dan menggunakan dadah tanpa kebenaran pihak berkuasa.